

[Home](#) / [2025](#) / [November](#) / [Help for Hope 3.0: UiTM FKK Perkukuh Kebajikan Mahasiswa Kejuruteraan](#)

SINERGI

28/11/2025 / DR MIRADATUL NAJWA MUHD RODHI



Shah Alam, 18 November 2025 – Program **Help for Hope** kembali untuk edisi ketiga yang dinantikan, mengukuhkan peranan **Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK), Universiti Teknologi MARA (UiTM)** bukan sahaja sebagai peneraju bidang teknikal, tetapi juga sebagai pemangkin kebajikan mahasiswa. Program yang berlangsung pada **14 November 2025** ini terus menjadi platform penting dalam menyediakan jaringan keselamatan kewangan kepada mahasiswa kejuruteraan yang memerlukan.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh **Prof. Madya Ir. Dr. Azil Bahari Alias @Ales**, Dekan

FKK, dan dirasmikan oleh **Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi**, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNC HEP) UiTM. Kehadiran beliau menzahirkan komitmen pengurusan universiti terhadap kesejahteraan pelajar. Turut hadir ialah pengurusan tertinggi fakulti-fakulti kejuruteraan lain, menandakan sokongan padu terhadap inisiatif ini.





Help for Hope 3.0 mengekalkan matlamat utamanya iaitu memberikan bantuan kewangan kepada mahasiswa yang layak, merangkumi yuran pengajian, wang saku dan keperluan asas bagi memastikan kelangsungan pembelajaran. Kejayaan program ini didorong oleh sokongan rakan korporat dan agensi kebajikan, termasuk **SIRIM QAS International, Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), Top Glove Sdn. Bhd., Aero Steels Engineering Works (Malaysia), EHH Food Industry Sdn. Bhd., Evolusi Pusaka Sdn. Bhd., Unit Pengurusan Non-Resident (NR) UiTM dan Kidz Studios Printing.**

Pelaksanaan program ini adalah hasil dedikasi **Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) FKK** yang diketuai oleh **Dr. Miradatul Najwa Muhd Rodhi**, bersama **Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) FKK** di bawah bimbingan **Dr. Nor Saiful Hafiz Abdul Habib**. Program ini bukan sekadar pemberian sumbangan, tetapi simbol solidariti komuniti kejuruteraan untuk saling membantu, memastikan harapan terus menyinari laluan setiap jurutera muda.



Tags: **Aero Steels Engineering Works (Malaysia), Bahagian Zakat Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), EHH Food Industry Sdn. Bhd., Evolusi Pusaka Sdn. Bhd., Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK),**

UiTM Perak & MERCY Malaysia
Laksana Bengkel ToT SPP:
Persiapkan Fasilitator Muda Hadapi
Bencana

UiTM Penang Strengthens Regional
Collaboration Through Data Science
with Universitas Negeri Malang

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

